

بُولِيْتِنُ اِلْمَسْتَبِيْهِ كَمِهْرِيْنِ اِسْلَامِيْنِ سِيَارُوْنَ



# Buletin

BIL 1 / 2020

# IKMAS JAKIM

جانواري - افريل، ذوالقعدة - جمادى الأول ١٤٤١



**LAWATAN KERJA YANG BERTHORMAT  
DATUK DR HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI JUNAIDI  
MENTERI MUDA DI JABATAN KETUA MENTERI**

**MAJLIS MENGHAFAZ AL-QURAN  
NEGERI SARAWAK TAHUN 2020**



**LAWATAN MAJLIS AGAMA  
ISLAM MELAKA (MAIM) KE  
IKMAS**



**KURSUS PENGAJARAN DAN  
PEMBELAJARAN GURU KELAS  
AL-QURAN DAN FARDHU AIN  
(KAFA)**



# Kalam Ketua Editor

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum dan salam sejahtera. Alhamdulillah segala puji bagi Allah SWT dan salam junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Sewajarnya kita bersyukur ke hadirat Allah SWT, kerana dikurniakan umur yang panjang dan kesihatan yang sejahtera untuk melangkah ke tahun 2020.

Bersua kembali bersama buletin IKMAS pada kali ini. Barisan editor mengambil kesempatan untuk mengucapkan selamat tahun baharu 2020. Terus transformasikan IKMAS ke arah kegemilangan. Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh. IKMAS inspirasiku akan sentiasa beriltizam membina jati diri sebagai institusi pengajian Islam tersohor di Borneo.

Buletin kali ini akan memfokuskan beberapa isu, antaranya lawatan kerja Yang Amat Berhormat Datuk Dr. Haji Abdul Rahman bin Haji Junaidi, Menteri Muda di Jabatan Ketua Menteri serta lawatan-lawatan daripada agensi kerajaan dan swasta. Selain itu, IKMAS juga telah menghantar beberapa orang pelajar untuk mengambil bahagian

dalam pertandingan menghafaz Al-Quran peringkat Negeri Sarawak yang berlangsung di Miri. Seterusnya, ia memfokuskan tentang bengkel-bengkel dan kursus-kursus yang melibatkan warga IKMAS mahupun masyarakat di sekitar Sarawak.

Akhir kalam, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam usaha untuk menerbitkan buletin IKMAS pada kali ini. Semoga segala sumbangan yang anda berikan diterima dan diberikan ganjaran berlipat kali ganda oleh Allah SWT. Sekian, salam maju jaya.

## SIDANG REDAKSI

### PENASIHAT

Dr Muhammad Yamin bin Ismail

### KETUA EDITOR

Karia bin Haji Rahmat

### SIDANG REDAKSI

Kartini binti Haji Ahmad  
Ainuddin bin Haji Dolhakim  
Abang Zainal Abidin bin Abang Ariffin  
Dr Roziah binti Haji Chek  
Mohd Chathazman bin Abdullah  
Muhammad Fadhli bin Ahmet

### PENYELARAS

Shuhaib bin Supani  
Nurul Sabariah binti Saini  
Muhammad Faizul bin Kanaini

### JURUFOTO

Irwandy bin Sarkawi  
Mohd Safwan bin Ismail

### PENGHARGAAN ISTIMEWA

Pejabat Pengarah  
Pejabat Pendaftar  
Jabatan Akademik  
Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni  
Jabatan Jaminan Kualiti  
Jabatan Kemahiran dan Latihan Daie  
Jabatan Pembangunan Insan  
Jabatan Penerbitan

### SEBARANG KOMEN ATAU CADANGAN PENAMBAHBAIKAN SILA HUBUNGI :

Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS)  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)  
Peti Surat 2867, Jalan Matang, Telaga Air  
93050 Kuching  
SARAWAK  
(u/p : Jabatan Penerbitan)  
Tel : 082-843477, 475  
Faks : 082-843440, 439  
Emel : penerbitanikmas@gmail.com



## ISI KANDUNGAN

Isi Kandungan .....	2
Sidang Redaksi .....	2
Kalam Ketua Editor .....	2
Tokoh Alumni IKMAS .....	3
Lawatan Kerja YAB Menteri Muda di Jabatan Ketua Menteri .....	4
Pameran "JUH MASUK IKMAS" .....	4
Majlis Khatam Al-Quran Pelajar-Pelajar Semester Akhir DTQ .....	5
Majlis Menghafaz Al-Quran Peringkat Negeri Sarawak .....	5
Bengkel Pemurnian Silibus Sijil Pengajian Islam .....	6
Bengkel Amalan Terbaik Penulisan Jurnal .....	6
Bicara Intelak .....	7
Bengkel Semakan Dokumen MQA-01 Program SPI IKMAS .....	7
Jom Sihat @ SUKMAS .....	8
Kursus Pengajaran dan Pembelajaran .....	9
Kursus Perbandingan Agama .....	9
Lawatan Majlis Agama Islam Melaka .....	10
Kunjung Hormat YADIM Sarawak .....	10
Lawatan Sedidik SDN BHD .....	10
Lensa IKMAS .....	11-12
Artikel Staff .....	13-14
Sekalung Tahniah .....	15
Jom Masuk IKMAS @ Syarat Kemasukan ke IKMAS .....	16

## Santapan Rehani

Daripada Ibnu Umar RA berkata: Rasulullah SAW memegang kedua-dua bahu seraya bersabda: "Hiduplah engkau di dunia seakan-akan orang asing atau pengembara", Ibnu Umar berkata: "Jika engkau berada di pagi hari, jangan tunggu sampai petang hari. Jika engkau berada di petang hari, jangan tunggu sampai pagi. Manfaatkanlah waktu sihatmu sebelum datang sakitmu. Manfaatkanlah waktu hidupmu sebelum datang matimu."

(HR. Bukhari No: 6416)

Status: Hadis Sahih

# KENALI TOKOH PERMATA ALUMNI IKMAS



## LATAR BELAKANG PENDIDIKAN TINGGI

- Calon Doktor Falsafah Tasawwuf, UITM Shah Alam
- Ijazah Sarjana Pengajian Kontemporari Fiqh Awlawiyyat, UITM Shah Alam
- Ijazah Sarjana Muda Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah, Jakarta Indonesia
- Diploma Pengajian Islam dan Dakwah, Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS)
- Kolej UNITY, Nilai Negeri Sembilan
- Sekolah Menengah Teknik, Kuching Sarawak



## KERJAYA

- Kini - Pengarah Bahagian Agama dan Kaunseling (BAKA) IPK Sarawak PDRM
- Ketua Bahagian Penyelidikan JAKIM Sarawak
- Ketua Bahagian Dakwah JAKIM Sarawak
- Ketua Bahagian Akademik dan Peperiksaan IKMAS
- Ketua Bahagian Latihan Sahsiah Pusat Latihan Sarawak (PLS)
- Pegawai Bahagian Dakwah JAKIM Sarawak
- Pegawai Agama Penjara
- Pensyarah IKMAS



## PENGLIBATAN LUAR NGO

- Setiausaha ASWAJA Sarawak
- Yang di-Pertua ABIM Sarawak
- Yang di-Pertua PERKEPIS, PKPIM

## HARAPAN DAN IMPIAN BUAT IKMAS

IKMAS adalah merupakan nadi penggerak dan penyumbang terhadap dakwah yang ada di negeri Sarawak. Program baharu di IKMAS boleh diperkenalkan dan ditambahkan seperti program ijazah dan pensijilan. Program berkembar dan jaringan dengan universiti-universiti tempatan ternama di Malaysia perlu diperkukuhkan dan ditambahbaik. Keberupayaan persatuan alumni IKMAS dalam membantu dan memberi sumbangan terhadap IKMAS untuk masa akan datang. Seterusnya melihat IKMAS berkembang, hadir bersama masyarakat dan dalam masa yang sama menghidupkan semangat berbakti dari kalangan pegawai dan kakitangan IKMAS.



## LATAR BELAKANG

Mohd Hasfa Bakhry bin Hassan merupakan anak jati kelahiran Kuching, Sarawak. Berusia 38 tahun. Beliau telah mendirikan rumah tangga dan dikurniakan seramai 6 orang cahaya mata iaitu 4 lelaki dan 2 perempuan.



## YANG BERHORMAT MENTERI MUDA DI JABATAN KETUA MENTERI



**5 Mac 2020** - Lawatan kerja Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Abdul Rahman bin Haji Junaidi, Menteri Muda di Jabatan Ketua Menteri telah berkunjung ke Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak Kampus 2.

Dalam sesi ucapan Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Abdul Rahman bin Haji Junaidi, Menteri Muda di Jabatan Ketua Menteri, beliau mengucapkan tahniah kepada IKMAS kerana berjaya melahirkan ramai graduan yang bijak pandai dalam pendidikan Islam dan ilmu kemahiran. Yang Berhormat juga mengucapkan tahniah kepada JAKIM Sarawak kerana telah banyak membantu menyediakan kegiatan bagi meningkatkan syiar Islam.

Seterusnya, majlis diteruskan dengan sesi tayangan montaj IKMAS serta taklimat jabatan yang telah disampaikan oleh YBhg. Dr. Muhammad Yamin bin Ismail, Pengarah IKMAS dan YBhg. Ustaz Hamdan bin Jar'ee, Pengarah JAKIM Sarawak.

Turut hadir bersama ialah YBhg. Haji Aziz bin Haji Mohamad, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JAKIM dan YBhg. Haji Khalidi bin Ibrahim, Pengarah Jabatan Agama Islam Sarawak.



## PAMERAN JUH MASUK IKMAS



**11 Januari 2020** - Pameran 'Juh Masuk IKMAS' telah diadakan bermula dari jam 7.30 pagi sehingga 5.30 petang bertempat di Dewan Serbaguna Pavillion Students, UNIMAS Samarahan. Ia bertujuan bagi mengalu-alukan pelajar-pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) khususnya di bahagian Kuching-Samarahan untuk mengenali IKMAS serta membuka peluang menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Pameran turut diadakan juga bertempat di Dewan Suarah Miri pada 13 sehingga 16 Januari 2020.



## MAJLIS KHATAM HAFAZAN AL-QURAN PELAJAR SEMESTER 6 DIPLOMA TAHFIZ AL-QURAN DAN AL-QIRAAT



**10 Januari** - Majlis Khatam Hafazan Al-Quran Peringkat IKMAS bagi tahun 2020 telah berjaya dilaksanakan.

Majlis yang diadakan bertempat di Dewan Kenyalang IKMAS dihadiri oleh YBrs. Dr Muhammad Yamin bin Ismail, Pengarah IKMAS, YBhg. Tuan Haji Murshidi bin Haji Johari, Penghulu Kampung Telaga Air, ketua-ketua kaum, ketua-ketua jabatan, pegawai dan kakitangan serta ibu bapa pelajar tahfiz IKMAS.

Majlis ini bertujuan bagi meraikan pelajar semester 6 Diploma Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat yang telah menghabiskan 30 juzu' sepanjang berada di IKMAS. Selain itu juga, majlis ini bertujuan bagi menyuntik motivasi kepada pelajar tahfiz yang lain agar terus berusaha menghabiskan hafazan dengan bersungguh-sungguh.

Selamat maju jaya buat pelajar tahfiz IKMAS.



## MAJLIS MENGHAFAZ AL-QURAN PERINGKAT NEGERI SARAWAK TAHUN 2020

**16 Januari 2020** - Syabas dan tahniah diucapkan kepada pelajar Diploma Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat atas kejayaan dalam Majlis Menghafaz Al-Quran Peringkat Negeri Sarawak yang berlangsung di Dewan Suarah, Miri.

Seramai 6 orang pelajar Diploma Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat IKMAS yang diketuai oleh Ustazah Ellyana Nazima binti Razali, pensyarah tahfiz merangkap guru pengiring ke Majlis Menghafaz Al-Quran Peringkat Negeri Sarawak yang diadakan di Dewan Suarah Miri bermula 13 hingga 16 Januari 2020.



Berikut merupakan keputusan Majlis Menghafaz Al-Quran Peringkat Negeri Sarawak:

**Juzu' 1-10 Kategori Lelaki**

- Lokman Hakem bin Md Din (Sagu hati)

**Juzu' 1-10 Kategori Perempuan**

- Asma' Amani binti Abdul Halim (Tempat Ke-3)

- Nurshuhaimah binti Md Razuan (Sagu hati)

- Nur Qamarina binti Rozeman (Sagu hati)

**Juzuk 1-20 Kategori Perempuan**

- Farra Hanim binti Hadian (Tempat Ke-3)

- Nur Izzah Yong binti Muhd Shahril (Sagu hati)

Syabas dan tahniah diucapkan.



# BENGGKEL PEMURNIAN SILIBUS SIJIL PENGAJIAN ISLAM

**20-21 Januari 2020** - IKMAS telah berjaya menganjurkan Bengkel Pemurnian Silibus Sijil Pengajian Islam bertempat di IKMAS Kampus 2.

Bengkel ini melibatkan semua pensyarah IKMAS dan dikendalikan oleh penceramah jemputan iaitu Prof. Madya Dr. Fitri Suraya binti Mohamad, pensyarah Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

Setelah dua hari menghadiri bengkel tersebut, para peserta dapat mengambil input yang berguna dalam menghasilkan silibus yang bakal diterima pakai dan sesuai dilaksanakan bagi program persijilan pengajian Islam IKMAS kelak.

Turut hadir dalam bengkel adalah Tuan Pengarah IKMAS dan ketua-ketua jabatan. Bengkel ini juga telah dirasmikan oleh YBrs. Dr. Muhammad Yamin bin Ismail selaku Pengarah IKMAS.



## BENGGKEL AMALAN TERBAIK PENULISAN JURNAL IKMAS TAHUN 2020

**10 Februari 2020** - Jabatan Penerbitan IKMAS telah mengadakan Bengkel Amalan Terbaik Penulisan Jurnal yang disampaikan oleh Tuan Haji Dr Santrol bin Haji Abdullah, Timbalan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Negeri Sarawak bertempat di Dewan Serbaguna, IKMAS Kampus 2.

Antara objektif bengkel tersebut ialah memberi perkongsian ilmu tentang peranan panel penulis dalam penghasilan produk penerbitan jurnal yang berkualiti, memberi pengetahuan tentang ciri-ciri penerbitan jurnal yang berkualiti, dan memupuk kelahiran panel penulis jurnal yang memahami amalan terbaik penulisan jurnal.

Program yang diadakan selama setengah hari ini dihadiri oleh pegawai, kakitangan dan para pensyarah IKMAS. Turut hadir bersama dalam bengkel tersebut ialah Dr Roziyah binti Haji Chek, Ketua Jabatan Jaminan Kualiti, Encik Mohd Chathazman bin Abdullah, Ketua Jabatan Kemahiran dan Latihan Daie dan Encik Muhammad Fadhli bin Ahmat, Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni IKMAS.



Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBrs. Ustazah Kartini binti Ahmad, Timbalan Pengarah IKMAS. Diharapkan melalui penganjuran bengkel ini, karya akademik ilmiah IKMAS dapat dihasilkan bagi memberi manfaat buat masyarakat awam di luar sana.



# BICARA INTELEK MOTIVASI KECEMERLANGAN DIRI

**31 Jan 2020** - Bicara Inteltek merupakan satu program bulanan yang dirangka buat para pelajar. Tema kali ini memfokuskan motivasi kepada para pelajar berikutan mereka akan menghadapi peperiksaan akhir pada bulan Februari.

Program yang disampaikan oleh Ustaz Mohd Azri Izzat bin Rasidi berlangsung di Auditorium Al-Wadi, IKMAS Kampus 2 dihadiri oleh semua pelajar IKMAS. Ustaz Izzat merupakan Alumni IKMAS dan menjawat jawatan sebagai seorang guru di Sekolah Menengah Laila Taib.

Program ini bukan sahaja untuk memberikan semangat kepada para pelajar malah ia adalah satu platform buat Alumni untuk berkongsi pengalaman belajar dan kerjaya.



## BENGGKEL SEMAKAN DOKUMEN MQA-01 PROGRAM SIJIL PENGAJIAN ISLAM IKMAS

**5 Mac 2020** - Bengkel yang telah berlangsung selama 3 hari bermula pada tarikh 3 hingga 5 Mac 2020 (Selasa-Khamis) di IKMAS ini dihadiri oleh semua pegawai dan pensyarah IKMAS.

Bengkel bertujuan untuk menyemak serta menambahbaik dokumen untuk diserahkan kepada pihak Malaysian Qualification Agency (MQA) bagi mendapatkan pengiktirafan serta akreditasi bagi program tersebut.

Bengkel anjuran Bahagian Dasar dan Kemajuan Islam (BDKI) dengan kerjasama Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) ini dibimbing oleh Prof. Madya. Dr. Ermy Azziaty Rozali, Timbalan Pengarah Pusat Kualiti UKM. Manakala En Roska bin Rasidek dan Puan Siti Hawa mewakili BDKI.

Majlis penutupannya telah disempurnakan oleh YBrs. Dr. Muhammad Yamin bin Ismail, Pengarah IKMAS.



## SIMBOLIK PERASMIAN SUKAN IKMAS (SUKMAS)

14 Februari 2020 - Acara simbolik majlis perasmian Sukan IKMAS (SUKMAS) telah dirasmikan oleh YBrs. Dr Muhammad Yamin bin Ismail yang telah disaksikan oleh semua warga IKMAS.



Majlis ini diteruskan lagi dengan cabutan undian bagi rumah sukan yang terdiri daripada rumah sukan Imam Syafie, rumah sukan Imam Hanafi, rumah sukan Imam Hanbali dan rumah sukan Imam Maliki.

Acara sukan yang akan dipertandingkan sepanjang sukan IKMAS berlangsung adalah futsal, bola jaring, petanque, sepak takraw, badminton, dart dan bowling.

Semoga SUKMAS dapat mengeratkan lagi hubungan silaturrahim seluruh warga IKMAS dan mengekalkan kesihatan mahupun mencergaskan minda dalam menyantuni tugas-tugas yang telah diamanahkan.



## PERLAWANAN PERSAHABATAN BOLA SEPAK

### IKMAS UNITED VS STAF POLITEKNIK KUCHING

28 Februari 2020 - Bahagian Sukan dan Domestik IKMAS telah mengadakan perlawanan persahabatan bola sepak IKMAS United dengan pasukan staf politeknik Kuching Sarawak bertempat di padang politeknik.

IKMAS United yang terdiri daripada pegawai, kakitangan IKMAS, kakitangan syarikat komited jabatan serta Alumni IKMAS telah berjaya memenangi perlawanan tersebut dengan kemenangan 4-1.



## PERTANDINGAN PETANQUE



## PERTANDINGAN FUTSAL



# KURSUS PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

**27 Februari 2020** - Jabatan Pembangunan Insan, IKMAS dengan kerjasama Unit KAFA Jabatan Agama Islam Sarawak telah mengadakan Kursus Pengajaran dan Pembelajaran guru-guru KAFA pada tarikh 26 - 27 Februari 2020 bertempat di Dewan Serbaguna, IKMAS Kampus 2.

Kursus Pengajaran dan Pembelajaran tersebut melibatkan seramai 159 orang guru-guru KAFA sekitar bahagian Kuching.

Antara objektif kursus tersebut ialah memberi pengetahuan ilmu dan pendedahan tentang proses pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru-guru KAFA dalam persediaan mereka untuk sesi mengajar.

Kursus yang diadakan selama dua hari ini telah membincangkan lima slot ceramah yang telah disampaikan

oleh Ustaz Mohamad bin Solhi, Ketua Unit Operasi Pendidikan Islam Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak, Ustazah Ainul Nadzifah binti Mohd Ali, Pensyarah IKMAS, Ustaz Mohd Isselahuiddin bin Kameri, Pegawai Jabatan Agama Islam Sarawak dan Dr. Hadenan bin Towpek, Pensyarah UITM kampus Samarahan.

Majlis penutupan telah disempurnakan oleh YBrs. Ustazah Kartini binti Ahmad, Timbalan Pengarah IKMAS serta dihadiri oleh YBhg. Ustaz Ramzen bin Ambi, Pegawai Agama Islam Bahagian Kuching.

Diharapkan daripada penganjuran kursus ini, dapat memberi manfaat buat semua peserta yang hadir serta dapat diaplikasikan dalam sesi pengajaran mereka.



Ustaz Mohd Isselahuiddin bin Kameri

Ustaz Mohamad bin Solhi

Dr. Hadenan bin Towpek

Ustazah Ainul Nadzifah binti Mohd Ali

# KURSUS PERBANDINGAN AGAMA

**25 Februari 2020** - Jabatan Pembangunan Insan, IKMAS telah mengadakan Kursus Perbandingan Agama pada tarikh 24 - 25 Februari 2020 bertempat di Dewan Kuliah 9, IKMAS Kampus 2.

Kursus Perbandingan Agama tersebut telah dihadiri peserta dari kalangan Kader JAKIM, pegawai agama, pensyarah IKMAS dan penjawat awam dari pelbagai agensi.

Antara objektif kursus tersebut ialah memberi perkongsian ilmu dan pendedahan tentang asas perbandingan agama serta dapat menambah pengetahuan berkaitan isu-isu semasa berkaitan agama.



Kursus yang diadakan selama dua hari ini telah membincangkan lima slot ceramah yang telah disampaikan oleh Ustaz Hasfa Bakhry bin Hassan, Ketua Cawangan Agama Ibu Pejabat Polis Kontinjen Sarawak, Ustaz Abdul Rahim bin Rashid, Pegawai Jabatan Agama Islam Sarawak, Ustaz Dzulhadzri bin Japar Shediq, Pegawai Jabatan Agama Islam Sarawak dan Ustaz Shuhaib bin Supani, Pensyarah IKMAS.

Diharapkan daripada penganjuran kursus ini, dapat memberi manfaat buat semua peserta yang hadir dan dapat dipanjangkan kepada masyarakat di luar sana.



Ustaz Hasfa Bakhry bin Hassan

Ustaz Abdul Rahim bin Rashid

Ustaz Dzulhadzri bin Japar Shediq

Ustaz Shuhaib bin Supani

## LAWATAN MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA (MAIM)

**29 Januari 2020** - IKMAS telah menerima kunjungan rasmi daripada Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) awal pagi tadi.

Lawatan yang diketuai oleh YBhg Ustaz Muhammad Leo bin Abdullah selaku ketua rombongan dihadiri seramai 10 orang pegawai dan kakitangan MAIM.

Majlis dimulakan dengan ucapan dan taklimat ringkas berkaitan IKMAS, seterusnya ucapan balas dari pihak MAIM dan sesi soal jawab. Majlis diakhiri dengan sesi bergambar dan lawatan tapak ke sekitar kawasan IKMAS.

Semoga ukhuwah yang dijalin dapat diteruskan dari semasa ke semasa. Terima kasih MAIM.



## KUNJUNG HORMAT YAYASAN DAKWAH ISLAMIAH MALAYSIA (YADIM) NEGERI SARAWAK

**4 Februari 2020** - Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) telah menerima kunjung hormat daripada Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) Negeri Sarawak.

Kunjung hormat pihak YADIM ke IKMAS adalah untuk membincangkan bentuk-bentuk kerjasama yang boleh memupuk sifat kepimpinan dan kesukarelawanan dalam kalangan pelajar.

Yang Berusaha Dr. Muhammad Yamin bin Ismail, Pengarah IKMAS telah memulakan ucapan aluan dan sesi taaruf, seterusnya ucapan balas dan perbincangan oleh YBhg. Ustaz Awang Dulhadi bin Awang Mat, Pengarah YADIM Negeri Sarawak.

Hadir bersama Timbalan Pengarah IKMAS, Ustazah Kartini binti Haji Ahmad, dan ketua-ketua Jabatan. Semoga kunjung hormat ini dapat membantu menjalinkan kerjasama yang lebih proaktif dalam melahirkan para dai'e di negeri Sarawak.



## LAWATAN SEDIDIK SDN BHD KE IKMAS

**7 Februari 2020** - Lawatan SeDidik Sdn Bhd ke IKMAS telah dilaksanakan pada awal pagi tadi bertempat di IKMAS Kampus 1.

Lawatan diketuai oleh Puan Norashikin Abu Bakar, Pengurus Besar SeDidik Sdn Bhd. Manakala pihak IKMAS pula diketuai oleh YBrs Dr Muhammad Yamin bin Ismail, Pengarah IKMAS dan ketua-ketua jabatan.

Untuk makluman, SeDidik Sdn Bhd adalah anak syarikat milik penuh Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (PPES) yang menawarkan pendidikan awal dan penjagaan kanak-kanak serta penjagaan sebelum dan selepas waktu sekolah. Perbincangan selama satu jam tersebut membincangkan peluang pekerjaan kepada bakal graduan IKMAS dan alumni yang masih mencari pekerjaan khususnya berkaitan pendidikan awal dan penjagaan kanak-kanak.



# LENSA



BACAAN YASSIN DAN TAHLIL  
SEMPENA SAMBUTAN AWAL  
TAHUN 2020



PEMERIKSAAN SISTEM  
PENCEGAHAN KEBAKARAN  
JABATAN BOMBA DAN  
PENYELAMAT MALAYSIA



BENGKEL PEMURNIAN MODUL  
DAN PENGUBALAN SOALAN  
SIJIL PROFESIONALISME IMAM  
(SPIM)



PROGRAM  
KERJASAMA IKMAS DAN UNIMAS



MAJLIS PENANGGUHAN  
MULTAQA KEPIMPINAN SAUDARA  
KITA (ZON SELATAN KUCHING)



MESYUARAT AGUNG PENUBUHAN  
KOPERASI IKMAS  
"LAN TABOOR SARAWAK BHD"



SESI PENAZIRAN BAGI PROGRAM  
DIPLOMA TAHFIZ AL-QURAN DAN  
AL-QIRAAT



MESYUARAT PERLAKSANAAN  
SIJIL PROFESIONALISME IMAM  
NEGERI SARAWAK (SPINS)



BENGKEL SEMAKAN PERATURAN  
AKADEMIK DAN PERATURAN HAL  
EHWAL PELAJAR



BENGKEL PENANDAARASAN  
KERTAS SOALAN PEPERIKSAAN  
AKHIR IKMAS BIL 1



PERHIMPUNAN BULANAN IKMAS  
BULAN JANUARI 2020



PROGRAM PSY-CON  
"INCLUSIVE OF MINDFULNESS  
THERAPY"

# LENSA



PROGRAM PELAPIS IMAM, BILAL DAN KHATIB DI MASJID NUR SAADAH TAMAN HENG GUAN, MATANG



BICARA TANWIR EDISI TAHUN BARU DAN IKMAS BERSELAWAT



PERLANTIKAN BARU AHLI JAWATANKUASA SURAU AL-TAQWA IKMAS SESI 2020



PENYAMPAIAN SUMBANGAN ZAKAT PNB KEPADA PELAJAR IKMAS



PROGRAM KAWAD KAKI BULANAN PELAJAR IKMAS BIL. 1



PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT DI SURAU DARUL AT-TAQWA KAMPUNG SELANG LAUT



MAJLIS MALAM APRESIASI PELAJAR SEMESTER AKHIR IKMAS TAHUN 2020



SOLAT SUNAT KUSUF (GERHANA MATAHARI) WARGA IKMAS



JEMPUTAN KHAS KHUTBAH JUMAAT DI MASJID BANDARAYA KUCHING



SUKARELAWAN IKMAS SEMPENA KARNIVAL LEPASAN SEKOLAH (KLS)



PROGRAM PERKAMPUNGAN MENARA GADING SARAWAK (PMGS)



PROGRAM "ARABIAN MOVIE NIGHT" PELAJAR SEMESTER 2 IKMAS



Oleh :  
Nur Ellyana Nazima binti Razali  
Pensyarah IKMAS

فرنيافان يغ تيدق فرنه روغي

إِنَّ الَّذِينَ يَتْلُونَ كِتَابَ اللَّهِ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَنْفَقُوا مِمَّا رَزَقْنَاهُمْ سِرًّا وَعَلَانِيَةً يَرْجُونَ تِجَارَةً لَّن تَبُورَ ﴿٣١﴾  
لِيُؤْفِقَهُمْ أَجْرَهُمْ وَيَزِيدَهُمْ مِّنْ فَضْلِهِ إِنَّهُ غَفُورٌ شَكُورٌ ﴿٣٢﴾

(سورة فاطر : ٣٠)

سسو غو هو اورغ-اورغ يغ ساللو ممباچ كتاب الله دان تنغ منديرين سمبيغ سرتا مندرماكن داري اف يغ كامى كورنياكن كغد مريك، سچارا برسبووي اتاو سچارا تريوك، مريك (دغن عمان يغ دمكين) مغهارفن سجنيس فرنياكان يغ تيدق اكن مغالمى كروغيان. (٢٩) سوقي الله ميمفورناكن فاهلا مريك دان منمبها مريك دري ليمغه كورنيا. سسو غو هو الله مها فغامقون، لاكي سنتياس ممبالس دغن سبابق-ببابقن (اكن اورغ-اورغ يغ برشكور كغدان). (٣٠)

برداسر كن قتيكن ايات درغد سورة فاطر ترسبوت ممبوقتيكن كغد كيت تنغ بناق لومائين ديويدين يغ الله انوكرهكن كغد همبا. همبان يغ ملابوركن ساهم دري سكي ماسن، نناك دان سوارا اونوق ممباچ كلام سوجي الله يغ تله دنيغلكن اوليه ككاسيه جونجوغن كيت نبي محمد صلى الله عليه وسلم. سسو غو هو الله ساغت منچينتاي سببافا يغ مغهابيسكن ماسن دغن مغبائين ترماسوقله عمان ممباچ القران. حال اين تله ديوقتنيكن مالووي حديث بكيندا رسول الله صلى الله عليه وسلم يغ برمقصود؛

(درغد ابن مسعود رضي الله عنه اي بركات: "بارغببافا يغ ممباچ ساتو حروف درغد القران، مك باكين ساتو كبايكن، ساتو كبايكن مهاما دغن سقوله فاهلا، اكو تيدق برمقصود: اليف، لم، ميم اياله ساتو حروف، تنافي اليف ساتو حروف، لام ساتو حروف دان ميم ساتو حروف.") - حديث ابن مسعود اين دريكونن اوليه الدريمي ترمذي دالم سونن ترمذي، كتاب ابوب فضال القران، نو حديث ٢٩١٠، ستاتوس حديث ابن حسن صحيح.

تيد تديغن كاسيه ساغ الله فد همبان دان تيداله بريله بهاغي والاو اف فون كادان همبان يغ سنتياس براسها اونوق تروس برادا دجالن الله سبحانه وتعالى. حال اين ديوقتنيكن دغن سبدا رسول الله صلى الله عليه وسلم يغ برمقصود:

درغد عائشه رضي الله عنها كاتان، رسول الله صلى الله عليه وسلم برسبدا، "اورغ-اورغ يغ بوليه ممباچ القران دغن لنجر دان تجويد يغ بتول، مريك سام تارف دغن ملانكة يغ مروفاكن اوتوسن الله دان مريك سنتياس بريقتي دان فاتوه كغدان، سباليقن باكي اورغ يغ بوليه ممباچ القران تافي تيدق لنجر دان تجويدن فولا كورغ بايق اكن ممقوليهي دوا فاهلا." (رواية بخاري دان مسلم)

كجنرن يغ الله كورنياكن كغد مريك يغ مرغكق دالم ممباچ القران اداله سببافي نندا كورنيا الله سبحانه وتعالى بريكن اتس اوسها مريك ممقولبولكن ليده مريك اونوق ميبوت دان ممباچ القران دغن بايق. سيبوبوغن دغن ايت، تيدق بوليه تيدق كيت واجب ممقلاجري القران كران جنجي الله فد مريك يغ ممباچ دان ممولياكن القران ايت ساغت بسر كجنرن دان سوده فستي تيدق اكن فاكير داخيرة كلق.

انتونيم كغد فركاتان برونتوغ اداله روغي. مك روغيله باكي مريك يغ تيدق برلومبا-لومبا دان بروات دغن قلوغ كامسان يغ الله تله كورنياكن سرتا جنجي كغد اومت مانسي. برداسر كن حديث نبي محمد صلى الله عليه وسلم جوگ يغ برمقصود؛

ابو موسى الأشعري مروايتكن بهوا رسول الله صلى الله عليه وسلم برسبدا "فرومقامان ساورغ مؤمين يغ ممباچ القران اداله باكيكن 'الأتريجة'. ارومان هاروم دان راسن اينق. فرومقامان ساورغ مؤمين يغ تيدق ممباچ القران اداله باكيكن تمر (كورما). ارومان تيدق اد دان راسن مانيس. فرومقامان ساورغ منافيق يغ ممباچ القران اداله باكيكن 'الريحانة'. ارومان هاروم دان راسن فاهيت. فرومقامان ساورغ منافق يغ تيدق ممباچ القران اداله باكيكن 'الحنظلة'. ارومان تيدق اد دان راسن فاهيت."

سبلوم مغاخيري كلام، القران اداله سببافا معجزة يغ مغهوبوغن كومونيكاسي مانسي دغن فنچينتاي الله سبحانه وتعالى. مك تيدق بوليه تيدق سساورغ ممبيل كسمقتن دغن منجاديكن القران ايت هابوان اوتام اونوق هرتا، كواسا، كمامان، كاوغو لان برينديغ ران-راكن، فوجيان دان فرهاتين مانسي دان ساومقامان. فرمان الله سبحانه وتعالى يغ برمقصود:

"سببافا يغ ممكهدقي (دغن عمل اوسهان) كبايكن دنيا سمات-مات، كامى بري كغدان درغد كبايكن دنيا ايت سكار يغ كامى تننوكن دان اي تيدق اكن بروليه سساتو بهاكين فون داخيرة كلق." (سورة الشعراء: ٢٠)

كسيمقولن، جاديكنله فمباچان القران ايت سواتو قلابورن واجب هارين سوقي كيت ممغو ممبيلكن دان مغحاصيلكن ديويدين يغ لومائين دنيا ايت لاكي داخيرة يغ ككال ابادي.



Oleh :  
Mohd Taquiuddin Arosdiee  
Pensyarah IKMAS

### FIQH ISLAM MERANGKUMI SEMUA KEPERLUAN MANUSIA

Fiqh Islam adalah ilmu yang membincangkan akan kefahaman seseorang mengenai hukum-hukum yang berkaitan dengan perbuatan dan perkataan setiap mukallaf berdasarkan kepada dalil-dalil yang jelas daripada sumber-sumber Islam iaitu al-Quran, al-Hadith, ijmak dan qiyas. Ia juga amat penting dalam kehidupan seseorang manusia yang seandainya ditinggalkan nescaya akan berlaku kebinasaan, kehancuran dan kacau-bilau dalam kehidupan kerana fiqh Islam ini merupakan hukum-hukum yang disyariatkan oleh Allah SWT kepada hamba-hambaNya. Ia turut menjaga kemaslahatan dan menghindari kerosakan. Justeru itu, fiqh Islam datang dalam keadaan merangkumi aspek tersebut dan menyusun semua keperluan manusia dengan hukum-hukumnya melalui peraturan dan perundangan. Sehubungan dengan itu, Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) meletakkan bidang Fiqh sebagai subjek yang wajib dipelajari oleh setiap pelajar di dalam program Diploma Dakwah Islamiyyah. Antaranya ialah Fiqh Ibadat, Pengantar Syariah dan Pengantar Usul Fiqh.

Jika diperhatikan, terdapat banyak kitab-kitab fiqh yang mengandungi hukum-hukum syara' yang bersandarkan kepada kitab Allah SWT, sunnah Rasulullah SAW, ijma' ulama' dan ijtihad mereka. Kita akan mendapati hukum-hukum tersebut terbahagi kepada tujuh bahagian dan daripadanya dibentuk peraturan umum bagi menjamin kehidupan manusia secara individu atau bermasyarakat. Ini dapat dilihat dalam peringkat pengajian diploma IKMAS, ilmu fiqh didedahkan kepada pelajar melalui pemahaman akan hukum ibadat, hukum kekeluargaan, hukum muamalat, hukum pemerintahan, hukum kanun keseksaan bagi penjenayah, hukum pengurusan jenazah, hukum mirath (pembahagian harta pusaka) dan hukum mengenai adab dan akhlak supaya pelajar dapat mempraktikkan apa yang dipelajari dalam kehidupan yang sebenar.

Seterusnya, Fiqh Islam turut mempunyai hubungan dengan iman seseorang kepada Allah SWT seperti firmanNya dalam surah al-Maidah ayat keenam:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اِذَا قُمْتُمْ اِلَى الصَّلٰوةِ فَاغْسِلُوْا وُجُوْهَكُمْ وَاَيْدِيَكُمْ اِلَى الْمَرَافِقِ

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu hendak mengerjakan sembahyang (padahal kamu berhadap kecil), maka (berwudhu'lah) iaitu basuhlah muka kamu dan kedua belah tangan kamu meliputi siku.

Allah SWT memerintahkan orang-orang yang beriman supaya bersuci dan menjadikannya sebahagian daripada tuntutan iman kepadanya.

Sesungguhnya Islam adalah agama yang menjaga keperluan dan menjamin kebahagiaan manusia melalui hukum-hukum yang disyariatkan. Oleh itu, hukum-hukum tersebut mampu dilaksanakan oleh manusia. Apabila seseorang mukallaf menghadapi kesulitan di luar kemampuannya untuk melaksanakan tanggungjawab tersebut dan membawa kepada bebanan yang lebih berat disebabkan keadaan-keadaan tertentu, Fiqh Islam akan mempunyai pertimbangan untuk mengelak kesulitan tersebut dan membuka pintu kemudahan dan keringanan kepadanya. Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat ke-185:

يُرِيْدُ اللهُ بِكُمْ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيْدُ بِكُمْ الْعُسْرَ

Maksudnya: Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan, dan ia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran.

Begitu juga dalam hadith Rasulullah SAW yang bermaksud: "Sesungguhnya agama Islam itu mudah" Riwayat al-Bukhari, no. 39

Begitu indahnya Islam yang tidak membebankan manusia malah memberikan kemudahan dalam beribadat sekiranya seseorang tidak mampu melakukannya. Maka sebagai hamba Allah SWT, berpegang teguhlah dengan tali agama dan ambillah apa yang telah Rasulullah SAW ajarkan kepada kita. Sabda Nabi SAW yang bermaksud: "Aku tinggalkan kamu suatu perkara yang selagi kamu berpegang dengannya, kamu tidak akan sesat, iaitu kitab Allah dan sunnahku." Riwayat Muslim, no. 1218, Abu Daud, no. 1905, al-Muwatta' 2/899

Ini adalah dalil dan bukti yang jelas menunjukkan akan betapa wajibnya mengikut hukum-hukum yang telah disyariatkan oleh Allah SWT di dalam kitabNya buat hamba-hambaNya dan juga hukum-hukum yang disyariatkan melalui hadith Nabi SAW.

Rujukan: Dr. Zulkifli bin Mohamad Al-Bakri, Al-Fiqh Al-Manhaji Mazhab Al-Syafie, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Jilid 1

# Sekalung tahniah



***Sekalung tahniah diucapkan kepada Ustazah Armi binti Halit di atas kenaikan pangkat ke Gred S44. Semoga kenaikan pangkat ini menambahkan motivasi untuk bekerja.***



***Terima kasih diucapkan kepada Encik Jami bin Jemat yang telah berkhidmat sebagai Pemandu Kenderaan di IKMAS dan selamat bertugas di tempat baharu.***

# Jom Masuk IKMAS JAKIM

## SYARAT KELAYAKAN MASUK DIPLOMA DAKWAH ISLAMIYYAH

1. Warganegara Malaysia berumur 17 tahun ke atas dan sihat mental dan fizikal.
2. Bukan warganegara (Antarabangsa) yang mempunyai kelayakan yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.
3. LULUS Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dengan LIMA (5) kepujian termasuk Bahasa Melayu dan mana-mana satu mata pelajaran Pengajian Islam seperti Pendidikan Islam/ Tasawwur Islam/ Pengajian Al-Quran dan As-Sunnah/ Pengajian Syariah Islamiyyah atau Bahasa Arab.
4. LULUS Bahasa Inggeris dan Matematik.
5. Mempunyai minat belajar sedia dibimbing serta mematuhi peraturan dan arahan.
6. LULUS ujian temuduga.

## SYARAT KELAYAKAN MASUK DIPLOMA TAHFIZ AL-QURAN DAN AL-QIRAAT

1. Berumur tidak melebihi 21 tahun dan belum berkahwin.
2. Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan syarat minimum Gred 'C' dalam mata pelajaran berikut:
  - i. Bahasa Melayu
  - ii. Bahasa Arab
  - iii. Pendidikan Al-Quran dan As-Sunnah / Pendidikan Syariah Islamiah
  - iv. LULUS Bahasa Inggeris, dan
  - v. LULUS temudugaAtau
  - vi. Kelulusan yang diiktiraf dan setaraf dengan SPM (Calon Luar Negara)

اينستيتيوت كماهيران اسلام مليسيا سراوق

Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak

Jabatan Kemaajuan Islam Malaysia

Peti Surat 2367, Jalan Matang

93050 Kuching, Sarawak

Tel: 082 - 843 477, 475

Faks: 082 - 843 440, 439

E-mel: ikmas@islam.gov.my